

15 OCT 1998

APEC-PELAJAR/I

PELAJAR NAK WAWANCARA TOKOH APEC SEPANJANG SIDANG KEMUNCAK APEC

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Jawatankuasa penganjur Sidang Kemuncak Perniagaan APEC bersama dengan Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) dan Misi Perdagangan Maya (VTM), satu program pendidikan dari Amerika Syarikat akan menganjurkan program wawancara sejagat MSC-VTM APEC di mana tokoh-tokoh APEC akan ditemubual oleh pelajar-pelajar.

Program itu akan disiarkan sepanjang Sidang Kemuncak APEC berlangsung dari 14 hingga 18 Nov ini, di sini.

Projek itu akan diselaraskan bersama dari Malaysia dan Amerika Syarikat oleh satu kumpulan khas terdiri daripada perwakilan dari Sidang Kemuncak Perniagaan APEC, MDC dan Yayasan VTM, Telekom Malaysia dan NTV7 dengan bantuan daripada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Pelajar-pelajar terpilih dari Malaysia, Amerika dan negara-negara APEC lain akan mengendalikan wawancara dengan pemimpin dunia, ketua perniagaan dan tokoh-tokoh terkemuka lain daripada ekonomi anggota APEC.

Dr Shafiq Sit Abdullah, pengarah eksekutif Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC), memberitahu pada satu taklimat media hari ini bahawa wawancara itu akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dalam dewan ataupun ballroom yang berhampiran dengan tempat mesyuarat itu yang akan berlangsung daripada pukul 9 pagi hingga 3.00 petang.

Penyiaran wawancara itu ke Amerika Syarikat dan negara anggota APEC lain akan dikendalikan oleh rangkaian televisyen tempatan NTV7, saluran rasmi bagi penyiaran tempatan.

NTV7 juga akan bekerjasama dengan rangkaian satelit dan rangkaian tempatan lain termasuk rangkaian televisyen Malaysia dalam pengedaran program itu.

Dr Shafiq berkata antara pemimpin dunia yang akan diundang bagi program wawancara itu adalah Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden AS Bill Clinton, Presiden Chile Eduardo Frei dan President Peru Alberto Fujimori.

Di kalangan tokoh korporat pula adalah Jon Corzine, pengerusi Golden Sachs Group dari USA, John Wadworth, pengerusi Morgan Stanley, USA, Valdimir Vinogradov, presiden INKOMBANK dari Russia dan James Kelly, ketua pegawai eksekutif United Parcel Service dari USA.

Dr Shafiq berkata program wawancara itu adalah satu acara yang menempa sejarah yang akan menggabungkan keupayaan teknologi canggih dengan keperluan untuk menggerakkan pembangunan sumber manusia termasuk generasi baru dalam APEC.

"Acara ini menunjukkan keperluan kerjasama ekonomi dan teknikal serta pembinaan keupayaan yang akan menggalak pemahaman yang lebih besar terhadap keprihatinan dan keutamaan di kalangan ekonomi anggota APEC yang berbeza.

Menerusi penggunaan teknologi, kami akan merapatkan jurang maklumat dan menyediakan penilaian yang tepat dan persepsi masyarakat APEC termasuk daripada negara seperti Malaysia.

Dr Shafiq berkata program wawancara itu akan menunjukkan dengan jelas bahawa Malaysia, sebagai pengerusi sidang kemuncak APEC tahun ini komited terhadap pembangunan projek masyarakat sejagat.

Beliau berkata Malaysia dan Amerika Syarikat masing-masing akan diwakili oleh 30 pelajar dan ABAC akan cuba mendapatkan pelajar dari negara anggota APEC lain.

-- BERNAMA

MK ZK OS

